



RINGKASAN EKSEKUTIF
PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
2023-2027

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KP - I	III	
KATA ALU-ALUAN TKP – II	IV	
1.0	Pengenalan	1
2.0	Carta Organisasi Pasukan Projek	2
3.0	Model Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 (PSP JMM)	3
4.0	Visi dan Misi Jabatan Muzium Malaysia	4
5.0	Visi dan Misi ICT	4
6.0	Teras Strategik dan Objektif	6
7.0	Strategi dan Program ICT	7
8.0	<i>Organizational Landscape Map View (OLMV)</i>	16
9.0	Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Muzium Malaysia dengan Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam	17
10.0	Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 (PSP JMM) dengan Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027	18
11.0	Pelan Pelaksanaan	19
12.0	Penutup	23

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 (PSP JMM) dapat dihasilkan dengan jayanya. PSP JMM ini merupakan dokumen dan sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju ICT JMM bagi tempoh lima tahun akan datang dan menggariskan rangka tindakan strategik untuk pelaksanaan dasar, perancangan program serta pembangunan projek-projek ICT di JMM. Pelan ini menyokong Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 sebagai sebuah jabatan yang menerajui pengurusan permuziuman dan pengurusan artifak negara di Malaysia.

Pada masa ini, harapan pemegang taruh dan rakyat ialah transformasi sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien selari dengan perkembangan teknologi memuncul (emerging technology). Sehubungan dengan itu, diharapkan pelan ini dapat menjadi panduan kepada jabatan untuk memastikan program yang dirancang dapat dihasilkan secara sistematik dan seterusnya memberikan impak yang tinggi kepada pendigitalan di JMM.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Perunding Perancangan Strategik ICT MAMPU atas segala bimbingan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan PSP JMM. Akhir kata, ucapan tahniah dan terima kasih kepada pasukan kerja pembangunan PSP JMM yang diurus setia oleh Unit Teknologi Maklumat serta semua pihak atas usaha dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pelan ini. Saya juga berharap agar semua program yang dirancang di bawah teras yang telah ditetapkan dapat direalisasikan dengan cemerlang.

Sekian, terima kasih.



**Datuk Kamarul Baharin
Bin A. Kasim**
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



**Encik Mohamad Shawali
Bin Haji Badi**

TIMBALAN KETUA PENGARAH
(DASAR) / CHIEF DIGITAL
OFFICER (CDO)
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

KATA ALU-ALUAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR) / CHIEF DIGITAL OFFICER (CDO)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan Projek Pembangunan PSP JMM 2023-2027 yang telah bertungkus lumus menghasilkan dan menerbitkan Pelan Strategik PSP JMM 2023-2027.

Hasil dapatan daripada sesi temu bual yang dijalankan terhadap pengurusan tertinggi JMM dan sesi soal selidik terhadap warga JMM telah mengenal pasti analisis jurang merangkumi isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan bagi menghasilkan hala tuju strategik pendigitalan JMM. PSP JMM 2023-2027 ini menggariskan 4 teras strategik, 12 strategi dan 47 program yang telah dikenal pasti bagi tempoh lima tahun akan datang.

Teras Strategik PSP JMM 2023-2027 merangkumi “Pemeriksaan Perkhidmatan Digital secara Inklusif dan Mampan”; “Pengoptimuman Keupayaan Infrastruktur ICT yang Efisien, Stabil dan Selamat”; “Pemeriksaan Tadbir Urus Perkhidmatan Digital yang Dinamik” serta “Pemantapan Kompetensi dan Pembudayaan Digital Warga”.

Saya menaruh keyakinan atas usaha dan kerja keras yang berterusan daripada warga JMM bagi merealisasikan PSP JMM 2023-2027 yang menjadi wadah yang berupaya untuk memacu warga jabatan untuk kekal relevan dengan perkembangan era Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Akhir kata, saya menyeru kepada warga JMM untuk sama-sama melaksanakan program dan inisiatif yang telah digariskan dalam usaha menjadikan JMM sebagai “Peneraju Profesionalisme Permuziuman Negara Bertaraf Global”.

Sekian, terima kasih.

1.0 PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Muzium Malaysia (PSP JMM) 2023-2027 merupakan perancangan pelaksanaan inisiatif ICT yang telah disediakan secara dalaman oleh Pasukan Projek PSP JMM yang diketuai oleh Unit Teknologi Maklumat. Pasukan ini dibentuk dengan penglibatan wakil daripada setiap bahagian/unit/muzium dengan kerjasama Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai pihak perunding ICT sektor awam. PSP yang disediakan ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik ICT (PSICT) JMM 2018-2022 sebagai usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JMM dengan memberikan fokus kepada peranan Unit Teknologi Maklumat sebagai peneraju kecemerlangan ICT ke arah pelaksanaan dasar yang lebih cekap dan berkesan.

PSP JMM menjadi satu dokumen blueprint yang menggariskan hala tuju pendigitalan bagi tempoh lima tahun, iaitu bagi tahun 2023 hingga tahun 2027. Pelan ini merangkumi strategi dan pelan tindakan projek pendigitalan secara terancang dan efektif dengan mengambil kira keperluan JMM serta trend teknologi semasa.

Pelan ini dijajarkan dengan pelan induk di peringkat nasional menerusi Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia ke-12(RMKe-12), Rangka Tindakan Ekonomi Digital (MyDigital Blueprint), Dasar 4IR Negara, Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN 2021), Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dan Pelan Strategik JMM 2023-2027.

2.0 CARTA ORGANISASI PASUKAN PROJEK


Satu pasukan kerja telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti dalam **Rajah 2.1**.



Rajah 2.1 Pasukan Projek Pembangunan PSP JMM


3.0 MODEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2023-2027 (PSP JMM)

Metodologi pembangunan PSP JMM yang digunakan adalah berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PerSPSA) yang dibangunkan oleh MAMPU seperti dalam **Rajah 3.1**.



Rajah 3.1 Garis Panduan PerSPSA

Pembangunan PSP JMM turut dijaikan dengan aktiviti pembangunan arkitektur berdasarkan Metodologi MyGovEA Peringkat 2: Penilaian (As-Is) dan Peringkat 3: Penakrifan (To-Be) yang menghasilkan motivasi perubahan perkhidmatan (Motivation View), arkitektur bisnes, data, aplikasi dan teknologi seperti dalam **Rajah 3.2**.



Rajah 3.2 Metodologi MyGovEA

4.0 VISI DAN MISI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Visi dan misi JMM adalah seperti dalam **Rajah 4.1**:



Rajah 4.1 Visi dan Misi JMM

5.0 VISI DAN MISI ICT


Penetapan visi dan misi ICT JMM 2023-2027 adalah seperti dalam **Rajah 5.1** di bawah:




Rajah 5.1 Visi dan Misi ICT JMM

6.0 TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF

Teras Strategik ICT telah ditentukan bagi membuat perancangan dan melaksanakan projek-projek ICT bagi menyokong bisnes teras JMM. Empat Teras Strategik ICT yang telah dikenal pasti untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT. Teras Strategik ICT dan objektifnya adalah seperti dalam **Rajah 6.1** dan **Rajah 6.2**.



Rajah 6.1 Teras Strategik ICT



Rajah 6.2 Objektif bagi Setiap Teras Pelan Strategik Pendigitalan JMM 2023-2027


7.0 STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Berpandukan empat Teras Strategik yang telah dibentuk, sebanyak 12 strategi pendigitalan dan 47 program ICT akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula dari tahun 2023 hingga tahun 2027 seperti dalam **Rajah 7.1**.




Rajah 6.2 Objektif bagi Setiap Teras Pelan Strategik Pendigitalan JMM 2023-2027


Perincian bagi setiap strategi dan program ICT bagi Teras Strategik 1-Pemeriksaan Perkhidmatan Digital Secara Inklusif dan Mampan adalah seperti dalam **Rajah 7.2 – Rajah 7.6**.



Rajah 7.2 Strategi 1-Penguatan Perkhidmatan Digital Permuzium Selaras Teknologi Terkini



Rajah 7.3 Strategi 2-Transformasi Sistem Sokongan JMM



Rajah 7.4 Strategi 3-Pemeriksaan Teknologi Pameran Menerusi Platform Digital




Rajah 7.5 Strategi 4-Pengurusan Inisiatif Data Secara Holistik, Efisien dan Bersistematis



Rajah 7.6 Strategi 5-Pewujudan Platform Pembayaran Tanpa Tunai


Perincian bagi setiap strategi dan program ICT bagi **Teras Strategik 2- Pengoptimuman Keupayaan Infrastruktur ICT yang Efisien, Stabil dan Selamat** adalah seperti dalam **Rajah 7.7 – Rajah 7.9.**



Rajah 7.7 Strategi 1-Peningkatan Infrastruktur ICT



Rajah 7.8 Strategi 2-Pengukuhan Rangkaian ICT



Rajah 7.9 Strategi 3-Pemantapan Keselamatan ICT

Strategi dan program ICT bagi setiap Teras Strategik 3- **Pemantapan Pengurusan Perkhidmatan Digital Yang Dinamik** adalah seperti dalam **Rajah 7.10 – Rajah 7.11**.



Rajah 7.10 Strategi 1-Penstrukturan Semula Tadbir Urus Perkhidmatan Digital



Rajah 7.11 Strategi 2-Pengukuhan Dasar dan Prosedur Perkhidmatan Pendigitalan

Strategi dan program ICT bagi setiap **Teras Strategi 4- Pemantapan Kompetensi dan Pembudayaan Digital Warga** adalah seperti dalam **Rajah 7.12 – Rajah 7.13**.




Rajah 7.12 Strategi 1-Pemeriksaan Kompetensi Pendigitalan



Rajah 7.13 Strategi 2-Penyemarakkan Pembudayaan Pendigitalan

8.0 ORGANIZATIONAL LANDSCAPE MAP VIEW (OLMV)


Organizational Landscape Map View (OLMV) JMM adalah seperti dalam **Rajah 8.1**.



Rajah 8.1 Organizational Landscape Map View (OLMV) JMM

9.0 PENJAJARAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA DENGAN KERANGKA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM


Pemetaan perancangan pelaksanaan JMM untuk tempoh lima tahun (2023–2027) dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam 2021-2025 adalah seperti **Rajah 9.1**:



Rajah 9.1 Penjajaran PSP JMM 2023-2027 dengan Kerangka PSPSA 2021-2025

10.0 PENJAJARAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2023-2027 (PSP JMM) DENGAN PELAN STRATEGIK JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2023-2027

Pembentukan strategi ICT JMM 2023-2027 adalah sejajar dengan objektif strategik JMM di dalam Pelan Strategik JMM 2023-2027. Hubungan antara keduanya adalah seperti dalam **Rajah 10.1**.



Rajah 10.1 Penjajaran Strategi ICT JMM dengan Strategi Bisnes JMM

11.0 PELAN PELAKSANAAN

Pelan Pelaksanaan bagi PSP JMM 2023-2027 adalah seperti dalam **Jadual 11.1**:

Jadual 11.1 Pelan Pelaksanaan bagi PSP JMM 2023-2027

TERAS STRATEGIK 1: PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL SECARA INKLUSIF DAN MAMPAN

STRATEGI 1: PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERMUZIUMAN SELARAS TEKNOLOGI TERKINI

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Pembangunan semula Sistem Pengurusan Permuziuman Digital Secara <i>End-to-End</i> (e2e).	Tinggi	UTM, BPKol, BPKon, BPP, MAS					
2. Pembangunan Gerbang Perkhidmatan Penyelidikan Berpusat.	Tinggi	BPD, UTM					
3. Naik taraf Laman Web JMM Selari dengan Perkembangan Teknologi Semasa.	Tinggi	UTM					
4. Naik taraf Laman Web Muzium Negara - Segmen Paparan Koleksi - Segmen Rujukan Program Pendidikan Muzium.	Tinggi	UTM, MN					
5. Pembangunan Sistem Penilaian Kondisi	Sederhana	BPKon, UTM					
6. Naik taraf Sistem Tiket JMM.	Tinggi	UTM, UKew					
7. Naik taraf Portal Rasmi Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM).	Tinggi	BPP, UTM					

STRATEGI 2: TRANSFORMASI SISTEM SOKONGAN JMM

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Pelaksanaan Digital Document Management System 2.0 (DDMS).	Tinggi	UP, UTM					
2. Naik taraf Sistem e-Latihan 2.0 JMM.	Sederhana	UPMI, UTM					
3. Pemantapan Sistem Biometrik JMM.	Tinggi	UPSM, UTM					
4. Naik taraf Portal Intranet JMM.	Sederhana	UTM, BPD					
5. Pendigitalan Koleksi Buku Nadir.	Tinggi	UPS, MP					
6. Naik taraf Sistem Helpdesk ICT.	Sederhana	UTM					
7. Pembangunan Sistem Tempahan Kenderaan JMM.	Sederhana	UP, UTM					

STRATEGI 3: PEMERKASAAN TEKNOLOGI PAMERAN MENERUSI PLATFORM DIGITAL

1. Pembangunan Hab Berpusat (One-Stop Centre) Pameran Maya.	Tinggi	BPP, UTM					
2. Pembangunan Kandungan Pameran Berbentuk Digital dengan Mengadaptasi Teknologi Baharu dalam Pameran Fizikal.	Tinggi	BPP, MALB, UTM					
3. Pembangunan Pameran Maya (Virtual Exhibition) Secara Berkala.	Tinggi	BPP, MAS, UTM					

STRATEGI 4: PENGURUSAN INISIATIF DATA SECARA HOLISTIK, EFISIEN DAN BERSISTEMATIK

1. Pembangunan Gudang Data Permuziuman Yang Berkualiti.	Tinggi	UDPS, UTM					
2. Naik Taraf dan Perluasan Dashboard Data Permuziuman Berasaskan Teknologi Data Analitik yang Boleh Skala.	Tinggi	UDPS, UTM, BKK					

STRATEGI 5: PEWUJUDAN PLATFORM PEMBAYARAN TANPA TUNAI

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Pembelian Tiket Masuk ke Muzium Tanpa Tunai.	Tinggi	UKew, UTM					
2. Pembelian Bahan Terbitan JMM Tanpa Tunai.	Tinggi	UKew, UP					

TERAS STRATEGIK 2: PENGOPTIMUMAN KEUPAYAAN INFRASTRUKTUR ICT YANG EFISIEN, STABIL DAN SELAMAT

STRATEGI 1: PENINGKATAN INFRASTRUKTUR ICT

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT [Komputer Meja (Desktop)/ Komputer Riba (Laptop)/ Pencetak/ Projektor].	Tinggi	UTM					
2. Perolehan Perkakasan Pendigitalan Perkhidmatan Permuziuman.	Tinggi	BPP					
3. Perolehan <i>Software as a Service</i> (SaaS) bagi Reka bentuk Grafik dan Suntingan Multimedia.	Tinggi	BPP, UTM					
4. Perolehan Pencetak Bersaiz Besar (Plotter) Mengikut Zon-zon Muzium bagi Kegunaan Pameran.	Sederhana	BPP, UTM					
5. Perolehan Perkakasan dan Perisian Telesidang bagi Kegunaan Muzium-Muzium di bawah JMM.	Sederhana	UTM					
6. Perolehan Infrastruktur Pemantauan Persekitaran menggunakan <i>Internet of Things</i> (IoT).	Tinggi	UTM, UKew					

STRATEGI 2: PENGUKUHAN RANGKAIAN ICT

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Peningkatan Kapasiti Jalur Lebar Muzium-Muzium di bawah JMM	Tinggi	UTM, Semua Muzium					
2. Perluasan Rangkaian Wi-Fi Muzium-Muzium di bawah JMM.	Tinggi	UTM, Semua Muzium					
3. Peningkatan Pengkabelan UTP dan Gentian Fiber Muzium-Muzium di bawah JMM.	Tinggi	UTM, Semua Muzium					
4. Peningkatan Perkakasan <i>Core Switch</i> dan <i>Access Switch</i> di JMM.	Tinggi	UTM					

STRATEGI 3: PEMANTAPAN KESELAMATAN ICT

1. Penggunaan <i>Cloud Service Provider (CSP)</i> dan <i>Managed Service Provider (MSP)</i> yang diiktiraf Kerajaan atau Perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam untuk DC/ DRC	Sederhana	UTM					
2. Peningkatan Keupayaan Hyper Converged Infrastructure (HCI) sedia ada di JMM.	Tinggi	UTM					
3. Penaiktarafan Kemudahan Asas Bilik Server di JMM (UPS/ Precision Air Cond/ Smart Rack/ Fire Detection and Protection/ CCTV dan Access Card).	Tinggi	UPPH, UTM, UKes					
4. Peningkatan dan Perluasan Penggunaan Firewall di Ibu Pejabat dan Muzium-Muzium.	Tinggi	UTM					

TERAS STRATEGIK 3: PEMERKASAAN TADBIR URUS PERKHIDMATAN DIGITAL YANG DINAMIK

STRATEGI 1: PEMANTAPAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN DIGITAL

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Penstrukturan Semula Tadbir Urus Perkhidmatan Digital.	Tinggi	UTM, UPSM					
2. Pemantapan Jawatankuasa Tadbir Urus ICT.	Tinggi	UTM					
3. Pewujudan <i>Champion</i> ICT.	Tinggi	UTM					
4. Pengurusan Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan (PSP).	Tinggi	UTM					

STRATEGI 2: PENGUKUHAN DASAR DAN PROSEDUR PERKHIDMATAN PENDIGITALAN

1. Pembangunan dan Pengukuhan Dasar, Polisi dan Garis Panduan ICT.	Sederhana	UTM					
2. Pembangunan Mekanisme Pematuhan dan Pemantauan.	Sederhana	UTM					

TERAS STRATEGIK 4: PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL WARGA

STRATEGI 1: PEMANTAPAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN DIGITAL

PROGRAM ICT	KEUTAMAAN	PEMILIK PROGRAM	2023	2024	2025	2026	2027
1. Pelaksanaan Latihan ICT Berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) melalui Pelan Operasi Latihan (POL) Jabatan.	Tinggi	UTM, UPMI					
2. Pembangunan Kepakaran Digital.	Tinggi	UTM					

STRATEGI 2: PENYEMARAKAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

1. Pengurusan Perubahan dan Promosi Inisiatif Digital Jabatan.	Tinggi	UTM					
2. Program Kesedaran ICT.	Tinggi	UTM, UPMI, BKK					
3. Pelan Pemasaran Produk Digital Muzium.	Sederhana	BKK					
4. Penganjuran Pertandingan Produk/ Inovasi Digital.	Sederhana	UTM, UPMI, BKK					

12.0 PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan JMM 2023-2027 merupakan satu dokumen rangka kerja (blueprint) bagi JMM untuk membangunkan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan JMM sebagai “Peneraju Perkhidmatan Permuziuman Digital Negara.” Sebanyak 12 strategi dan 47 program yang terkandung dalam dokumen ini perlulah dihayati oleh warga JMM dalam mengadaptasikan teknologi baharu, terutamanya IR4.0 untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Pelan ini menyediakan rangka kerja pendigitalan JMM kepada pihak pengurusan untuk memandu hala tuju jabatan serta meningkatkan keupayaan bagi merealisasikan visi dan misi pendigitalan dengan jayanya.

Pelan strategik ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dan perlu dikaji semula supaya pendigitalan akan terus menjadi pemangkin transformasi bagi mencapai hasrat JMM sebagai peneraju profesionalisme permuziuman negara bertaraf global.

